

KERATAN AKHBAR			
-Perpustakaan Politeknik Kota Kinabalu-			
TAJUK	Mahir TVET, celik teknologi		
SURAT KHBAR	Harian Metro		
SUMBER	Atas Talian	<a href="https://www.hmetro.com.my/akademia/2025/07/1242924/mahir-tvet-celik-teknologi">https://www.hmetro.com.my/akademia/2025/07/1242924/mahir-tvet-celik-teknologi</a>	
TARIKH	21 Julai 2025	MUKA SURAT	-

## Mahir TVET, celik teknologi

Suliati Asri

suliati@hmetro.com.my



TUNJUK ajar dari tenaga mahir membolehkan pelajar tidak hanya menambah ilmu tetapi dapat mengasah potensi diri.

DALAM era kerjaya yang semakin dipacu teknologi, kemahiran saja tidak mencukupi.

Bagi memastikan keseimbangan ini semua pihak khususnya pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu mempunyai lebih daripada pengetahuan teknikal atau kemahiran.

Mereka perlu celik kecerdasan buatan (AI), mampu kuasai teknologi data, robotik, malah faham bagaimana dunia digital berfungsi.

Menyedari hakikat itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tampil membangunkan modul pembelajaran AI khusus untuk pelajar TVET menerusi Program AI Summer Camp (AISC), yang sedang berjalan tahun ini.

Modul ini bukan saja diperkenal sebagai persediaan pelajar menghadapi keperluan industri semasa, malah bertujuan melahirkan tenaga kerja mahir kompeten seiring kemajuan teknologi dunia.

Pengarah Institut Informatik Visual (IVI) UKM, Profesor Madya Dr Rabiah Abdul Kadir berkata, program berkenaan memberi tumpuan kepada pelajar politeknik di seluruh Malaysia selepas pelaksanaan di peringkat universiti di Malaysia berjaya dilaksanakan pada tahun lalu.

Katanya, modul itu dibangunkan bertujuan meningkatkan kebolehpasaran pelajar politeknik di seluruh negara.

"Modul yang dibangunkan penyelidik IVI untuk peserta AISC ini sangat istimewa kerana merangkumi pelbagai aspek teknologi terkini yang relevan dengan keperluan industri.

"Peserta akan didedahkan kepada bidang menarik seperti pembangunan chatbot, realiti maya, asas robotik, Internet Benda (IoT), penglihatan mesin serta AI dan analitik data.



PROGRAM AISC tampil dengan pelbagai aktiviti interaktif yang menyeronokkan. "Kandungan komprehensif ini memastikan pelajar TVET mendapat pendedahan holistik kepada teknologi AI, sekali gus melengkapkan mereka dengan kemahiran praktikal yang diperlukan untuk berinovasi dan menyumbang secara langsung dalam pelbagai sektor," katanya.

Dr Rabiah berkata, IVI memainkan peranan penting sebagai agensi advokasi teknologi AI dengan menyediakan modul latihan, tenaga pakar dan bahan bantu pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap pelajar sekolah rendah hingga menengah.

"Kami mahu pastikan generasi muda di seluruh Malaysia termasuk kawasan luar bandar seperti Perlis, mempunyai akses kepada teknologi termaju dan memahami asas AI secara menyeluruh," katanya.

Program AISC ini juga adalah lanjutan kerjasama antara UKM dengan Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCOEE) yang dilaksanakan bermula tahun lepas.

Antara keistimewaan lain, program ini adalah penerapan kaedah yang lebih inklusif dalam kalangan pelajar teknologi maklumat (IT) dan bukan IT dalam memberi pendedahan AI kepada pelajar.

Menurut Dr Rabiah, pendekatan inklusif ini bagi memastikan semua peserta tanpa mengira latar belakang akademik boleh mendapat manfaat dengan ketara daripada pengetahuan dan kemahiran yang ditawarkan semasa program berkenaan.

"Bagi pelajar yang mempunyai latar belakang IT, program ini berfungsi sebagai platform penting untuk meningkatkan kepakaran teknikal mereka dalam kecerdasan buatan, pembelajaran mesin dan analisis data.

"Mereka akan memperoleh pengalaman langsung dengan alat dan teknologi termaju yang semakin dituntut dalam industri teknologi, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dan prospek kerjaya mereka," katanya.

Selain itu, menerusi program AISC ini, pelajar bukan IT juga akan mendapat nilai yang besar.

ROBITIK antara subjek dan aktiviti yang sentiasa mendapat perhatian. Sebagai contoh, katanya, mereka boleh mendapatkan pandangan mengenai cara AI disepadukan ke dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan pemasaran.

"Dengan memahami potensi AI juga membolehkan pelajar bukan IT untuk berinovasi dalam domain masing-masing dan menyumbang kepada pembuatan keputusan berasaskan data," katanya.

Menariknya, Program AISC yang dijalankan pada tahun ini membabitkan beberapa zon iaitu utara, tengah dan timur.

Antara negeri yang terbabit adalah Selangor, Perak, Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang dan Perlis.

Dr Rabiah berkata, program ini berperanan sebagai jambatan antara dunia pendidikan, industri dan masyarakat dengan mendorong kolaborasi, pertukaran ilmu

serta pembangunan penyelesaian AI yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

"Justeru, program ini sekali gus merapatkan jurang digital dan memberi peluang kepada peserta dari pelbagai latar belakang.

"Selain itu, program ini dapat memupuk minat dan bakat teknologi dalam kalangan belia dengan memberikan pendedahan awal kepada pelajar dan belia untuk mengenal bidang AI secara praktikal, sekali gus mengasah potensi dan minat mereka dalam inovasi serta kerjaya berasaskan teknologi," katanya.

Bagi peserta Syed Muhammad Darwish Syed Nazarudin, 20, dia menyertai program itu dengan tujuan untuk meningkatkan kemahiran (upskill) dalam bidang AI.

"Dengan kemahiran yang ada, saya boleh gunakan untuk menyiapkan tugas atau projek akhir tahun nanti.

Peserta dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Nur Syazwani Nooryjan, 20, pula berkata, program itu membantu dari menambahkan kefahaman dalam bidang AI dengan lebih mendalam.

"Sebagai pelajar dari bidang teknologi maklumat, bidang AI memberikan kelebihan pada saya seperti subjek chatbot yang dipelajari dalam kelas.

**Disiarkan pada: Julai 21, 2025 @ 7:00am**